

ms 55

Pekerja Myanmar disyaki bunuh rakan senegara

➔ Suspek tetak mangsa enggan larikan diri dari tempat kerja kena reman

Oleh Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Seorang lelaki warga Myanmar ditahan kerana disyaki membunuh rakan senegara yang enggan mengikutnya melarikan diri dari tempat kerja mereka di tapak semaian di Triang, Bera, Ahad lalu.

Suspek diberkas polis kira-kira

dua jam selepas mangsa berusia 36 tahun ditemui maut oleh pekerja lain di tapak semaian itu pada jam 4.30 pagi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, Datuk Othman Nanyan, berkata suspek yang didakwa menetak mangsa menggunakan parang, kini direman hingga 13 Januari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Tiada dokumen sah

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati mangsa dan suspek yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah, dikatakan merancang melarikan diri kerana ada peluang pekerjaan di tempat lain.

“Bagaimanapun, mangsa kemudian menukar fikiran dan tidak bersetuju bertindak se-



Suspek didakwa menetak mangsa menggunakan parang, kini direman hingga 13 Januari bagi membantu siasatan”

Othman Nanyan,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah

mikian menyebabkan berlaku perselisihan faham sehingga suspek didakwa menetak mangsa menggunakan parang.

“Polis yang menerima laporan, terus membuat siasatan serta membuat tangkapan terhadap suspek.

“Hasil bedah siasat mendapati mangsa mengalami kecederaan teruk pada kepala dan leher,” katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, di sini, semalam.

Othman berkata, pihaknya turut menemui parang dipercayai digunakan untuk menetak mangsa di lokasi kejadian, selain memperoleh pengakuan daripada suspek melalui soal siasat.

“Kita menganggap kes ini berjaya diselesaikan dalam tempoh segera, iaitu dua jam selepas kejadian,” katanya.